



Siaran
AKHBAR
KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA

MOD.100/2/1/2 JLD 5 (51) 03/05

**YB TIMBALAN MENTERI PERTAHANAN SANTUNI VETERAN ATM DALAM
PROGRAM PEDULI VETERAN NEGERI SEMBILAN**

Seremban, 9 Mei 2023 – Timbalan Menteri Pertahanan, YB Adly bin Zahari hari ini telah melaksanakan Program Peduli Veteran (PPV) peringkat Negeri Sembilan yang turut diiringi oleh Timbalan Ketua Pengarah Jabatan Hal Ehwal Veteran (JHEV) ATM, Encik Sophian Isswandy bin Ismail.

Dalam program PPV kali ini, YB Timbalan Menteri Pertahanan telah menyantuni empat (4) orang Veteran ATM di sekitar Negeri Sembilan. Program ini merupakan salah satu manifestasi Kementerian Pertahanan dalam memastikan agenda kebajikan Veteran ATM dan tanggungannya sentiasa diutamakan. PPV ATM yang dilaksanakan ini merangkumi lawatan kebajikan ke rumah veteran yang rata-ratanya mengalami sakit kritikal, uzur serta hidup dalam keadaan daif. Selain bertanya khabar, turut diselitkan penyampaian sumbangan bantuan peralatan pesakit seperti katil pesakit, kerusi roda, tongkat, lampin pakai buang dan susu serta penyampaian sumbangan wang tunai dan kotak makanan pada veteran yang diziarahi.

Kunjungan 4 buah rumah adalah seperti berikut:

1. Encik Mohd Zin bin Khalid berusia 69 tahun, menghidap penyakit strok, demensia dan tidak boleh bercakap. Segala pergerakan veteran adalah menggunakan bantuan kerusi roda. Beliau merupakan Veteran ATM yang tidak berpencen.
2. Encik Samsuddin bin Ramli berusia 61 tahun merupakan veteran berpencen yang menerima pencen bulanan sebanyak RM1400.00. Veteran telah dipilih sebagai penerima Inisiatif Perumahan Veteran (Bina Baharu) di Lot 2279 Kampung Sekolah Lenggeng, Seremban, Negeri Sembilan.
3. Encik Kandayah a/l Muthu berusia 66 tahun, merupakan penerima Bantuan Sara Hidup (BSH) dari JHEV ATM berjumlah RM300.00 sebulan. Beliau menghidap penyakit kencing manis, lemah jantung, strok di bahagian kiri badan, kaki kiri telah dipotong dan terlantar. Pergerakan beliau adalah menggunakan kerusi roda dan memerlukan bantuan isteri dan anak-anak dalam segala keperluan harian. Beliau juga merupakan Veteran ATM yang tidak berpencen.
4. Encik Zakaria bin Manaf berusia 69 tahun, merupakan penerima BSH dari JHEV ATM berjumlah RM300.00 sebulan. Veteran telah lima (5) tahun menghidap strok dan pergerakan harian menggunakan tongkat serta kerusi roda. Manakala isteri veteran iaitu Puan Asiah binti Baharum pula telah tujuh (7) tahun menggunakan kerusi roda kerana mengalami sakit saraf. Beliau juga merupakan Veteran ATM yang tidak berpencen.

PPV ATM adalah merupakan antara inisiatif madani Kementerian Pertahanan dalam merealisasikan pelaksanaan dan hala tuju Kertas Putih Pertahanan (KPP). PPV akan memastikan kebajikan dan kesejahteraan Veteran ATM terus terbela dan sentiasa terpelihara sejajar dengan jasa bakti dan pengorbanan Veteran ATM terhadap keamanan dan keselamatan negara. Melalui PPV ini, lebih ramai Veteran ATM yang terkesan dapat disantuni bagi mendengar sebarang luahan mereka secara bersemuka.

Program-program seperti ini akan diteruskan dengan sasaran sekurang-kurangnya sebanyak 800 program dilaksanakan setiap tahun bagi memastikan semua Veteran ATM di seluruh negara dapat menikmati bantuan dan kemudahan yang disediakan oleh JHEV ATM. Justeru, Kementerian Pertahanan beriltizam untuk terus komited dalam mempertingkatkan lagi PPV melalui siri lawatan kebajikan yang akan datang agar tiada Veteran ATM yang terpinggir daripada menerima insentif yang disediakan. Sebagai maklumat, data Veteran ATM yang telah berdaftar dengan JHEV sehingga 31 Mac 2023 ini adalah sebanyak 108,589 veteran berpencen, 70,188 veteran tidak berpencen dengan jumlah keseluruhan 178,777 veteran.

Sebarang pertanyaan berkaitan acara boleh menghubungi Pegawai Staf 2 Media (Udara), Unit Komunikasi Startegik, Kementerian Pertahanan Malaysia, Mejar Ezrie Hanif bin Yusof TUDM di talian 017-254 0477 dan Ketua Unit Komunikasi Korporat, JHEV ATM, Kapt Mohammad Asyraf bin Mohd Ameran TUDM di talian 019-208 1023.

-TAMAT-

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“PERTAHANAN NEGARA TANGGUNGJAWAB BERSAMA”

Kementerian Pertahanan Malaysia
9 Mei 2023

